

# Afrika Tengah Menggelegak Suasana Congo dan Katanga Tshombe Menentang Lumumba

(Oleh: A.B. Husni)

Semboyan: **kini pula pandangan dunia  
tertumpu penuh ke Afrika Tengah.  
Congo merdeka bersusah payah  
ditentang Tshombe dari Katanga  
sehingga Lumumba pusing gelisah  
mungkinkah perang saudara pecah  
mempunyai akibat perang dunia?**

Suasana politik dunia pada bulan ini dan semenjak bulan yang silam sangatlah keruhnya. Kembali lagi pandangan dunia ditumpukan ke Afrika, kali ini berhubung dengan kejadian yang berlangsung di Afrika tengah umumnya dan di Congo dan Katanga khususnya.

Belum lagi habis kisah Hendrik Verwoerd di Afrika Selatan dengan politik aparteidnya dan pecah-belahnya merendahkan darjah bangsa-bangsa kulit hitam, maka kini timbul pula suasana yang menggelegak di Congo, Afrika Tengah, yang meliputi kemerdekaan sebahagian bangsa kulit hitam yang baharu sahaja mencapai taraf kemerdekaan, seolah-olah menyokong pendirian dari Afrika Selatan yang menyatakan, bahawa orang-orang Negro itu belum cukup matang untuk tegak bebas merdeka mengendalikan negaranya sendiri.

Di sinilah perlu kita berhati-hati untuk mengambil pandangan politik yang objektif dan mengambil pendirian faham yang tak boleh berat sebelah, tetapi jujur, membina dan berkecuali. Kita mesti berhati-hati, kata penulis, oleh kerana disebalik semua kejadian-kejadian itu, ada penulis lihat bayangan-bayangan udang bersembunyi di balik batu, gembira telunjuk lurus kelingking berkait, lukisan-lukisan lempar batu sembunyi tangan.

Mungkin kalau bangsa-bangsa bersatu tidak berhati-hati bertindak memecahkan soal Congo dan Katanga ini, akan terabitlah suatu suasana yang hebat seperti perpecahan yang telah berlangsung di Korea (Korea Selatan dan Korea Utara), ya, malahan lebih dahsyat lagi, sehingga dapat menyebabkan meletusnya perperangan dunia yang ketiga yang saya rasa pada kali ini akan menemui akibat kehancuran peradaban dunia – seandainya suasana Congo itu merebak dan tidak dapat diselesaikan dengan cara yang memuaskan.

Disebalik semua kejadian-kejadian di Congo itu ada penulis lihat campur tangannya momok pecah belah kuasa-kuasa penjajahan, bercogangkan kata dua: “pecah belah dan perintah”.

Ertinya kata yang tersebut di atas ini bukan sahaja

melulu mengenai faham politik barat, tetapi juga yang bersangkutan dengan dasar bantuan yang dijanjikan oleh raksaksa beruang, yang hendak menangguk di air keruh.

Negara Congo yang diketahui oleh Perdana Menterinya Patrice Lumumba itu diadu-dombakan dengan negeri Katanga yang terletak di Congo juga yang diketuai oleh Perdana Menterinya Moise Tshombe – kejadian ini sebahagian besar disebabkan oleh politik “pecah belah dan perintah” dari kuasa barat.

#### **Sejarah dan keadaan amalnya**

Negara Congo terletak di Afrika Tengah dan dahulunya adalah tanah jajahan Belgium. Daerahnya berbentuk mangkuk dan dikelilingi oleh pergunungan, daerahnya adalah aliran sungai Congo dan anak-anak sungainya. Pergunungan yang utama ialah pergunungan Rwenzori, luasnya 100 x 125 kilometer, tingginya sampai 5,125 meter dan tetap bersalji. Iklimnya ialah iklim tropika dan kadang-kadang sampai iklim agak sedang; sangat banyak terdapat rimba rayanya dan binatang-bintang buas. Penduduknya yang asli berjumlah kira-kira 12 juta, dan terdiri kebanyakannya dari suku-suku



**Patrice Lumumba**

bangsa Bantu. Mereka memakai berbagai-bagai bahasa, umpamanya bahasa Swahili, Bangala dan Phuthi, yang dipakai juga dalam melaksanakan perniagaan. Orang kulit putih berjumlah 55,000 orang dan terdiri kebanyakan dari bangsa Belgium.

Negara Congo bersempadan di sebelah utara dengan Afrika Perancis dan Sudan; di sebelah timur dengan Uganda dan Tanganyika; di sebelah selatan dengan Rhodesia dan Angola, sedangkan di sebelah barat dia bersempadan dengan Cameroon, Afrika Perancis, sebahagian kecil dengan lautnya Atlantik dan dengan Angola.



**Moise Tshombe**

Negara yang baru merdeka ini mempunyai daerah seluas kira-kira 900,000 batu persegi. Negara Congo ini mulai diciptakan oleh Raja Leopold Kedua, raja Belgium dalam tahun 1884, sebagai sebuah Negara Bebas Congo. Dari tahun 1889 sehingga tahun 1908, raja Belgium itu berperang dengan sultan-sultan dan raja-raja di daerah ini untuk menghapuskan perniagaan abdi, dan ia telah berhasil melaksanakan tugas itu. Dalam tahun 1908 Negara Bebas Congo itu dimasukkan langsung ke dalam jajahan Belgium, dan semenjak itu

Congo telah dibahagi dalam 6 buah daerah dan 16 jajahan.

Daerah-daerah itu memakai nama serupa dengan ibu kotanya ialah: Elizabethville (selatan), Leopoldville dan Coquilhatville (di sebelah barat), Lusambo (di sebelah tengah), Costermansville (di sebelah utara) dan Stanleyville (di sebelah timur). Dalam tahun 1925 daerah Ruanda-Urundi disatukan dengan Congo, dengan ibu kotanya Usumbura. Pelabuhan yang terpenting yang terletak dekat dengan lautan Atlantik ialah Matadi. Daerah atau wilayah yang terpenting ialah Katanga dengan daerah danau Tanganyika, lombong-lombong terpenting adalah didapati dalam daerah ini, iaitu lombong-lombong intan, emas, radium dan uranium. Selain daripada itu negara Congo itu mempunyai hasil getah, kopi, coklat, timah, jelutung, kapas, minyak kelapa sawit dan binatang-binatang ternak.

Sungai Congo di negara Congo ini panjangnya 4,000

kilometer, sungai itu ialah yang nombor dua terbesar di dunia. Daerah alirannya ialah seluas 3,800,000 kilometer persegi. Dia banyak mempunyai air-air terjun yang besar, umpamanya: air terjun Stanley, air terjun "Heldefontein" (Gerbang Neraka). Anak-anak sungai yang terkenal ialah sungai-sungai Kasai, Ubangi, Mbomou dan Lualaba. Jalan-jalan keretapi telah diperbuat semasa pemerintahan Raja Leopold Kedua, iaitu di antara Stanley Pool dan Stanleyville, dari Bukama ke Elizabethville dan dari Congolo ke Kindu. Dalam tahun 1931 dibuka jalan keretapi antara Matadi dan Angola Portugis.

Dalam bulan Julai 1940, setelah Belgium diduduki oleh Jerman, pemerintah pelarian Belgium menyerahkankekayaan alam negara Congo ini untuk kepentingan tentera-tentera bersekutu, terutama tentera Inggeris. Tentera-tentera dari anak negeri Congo sendiri ikut berperang membantu tentera sekutu di Afrika Timur. Uranium, yang terutama banyak didapati di Shinkolobwe dekat Elizabethville, banyak membantu kepentingan pemerintah sekutu dalam hal memperbuat bom atom. Daerah yang terutama banyak didapati benda-benda ini dan juga benda-benda penting yang lain,

ialah daerah Katanga. Jadi tidaklah hairan kita, bahawa daerah yang paling berharga sekali di negara Congo ialah wilayah Katanga itu.

Berhubung dengan banyak jasa-jasa penduduk asli Congo ini di dalam Perang Dunia yang silam, maka kerajaan Belgium menjanjikan kemerdekaan kepada Congo setelah selesai perperangan dunia itu dalam tahun 1945, dengan menjanjikan, bahawa Congo akan menjadi sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, 15 tahun setelah tahun 1945 itu, yakni dalam tahun 1960. Janji ini mestilah ditepati oleh Belgium, apa lagi sebegitu banyak negara-negara Asia dan Afrika yang telah merdeka di dalam masa 15 tahun itu. Akan tetapi alangkah kesalnya hati mereka itu meninggalkan daerah yang kaya raya di Katanga itu dan mesti dilepaskan kepada negara Congo.

Janji mesti ditepati, dunia tak boleh diabui lagi kerana janji itu telah diumumkan dan seluruh dunia telah mengetahui. Di sinilah terletak udang disebalik batu, telunjuk lurus kelingking berkait, seperti yang saya sebutkan pada permulaan rencana ini. Ahli-ahli politik pemerintah Belgium telah mengatur siasahnya lebih dahulu, apa yang akan dikerjakan dan apa yang akan terjadi setelah kemerdekaan negara Congo itu dirasmikan kepada dunia. Muslihat yang telah dimuafakatkan lebih dahulu itu (ini hanya menurut sudut tinjauan penulis sahaja, kerana sudah tentulah tidak mereka umumkan), membawa akibat yang amat dahsyat, seperti yang akan kita pandang sama-sama nanti dan hingga rencana ini selesai ditulis, belum lagi selesai persoalannya . . . . Apa yang telah terjadi antara Belanda dan Indonesia berkenaan dengan kisah Irian Barat, saya kira, demikian jugalah nanti kejadian antara Belgium dan Congo berkenaan dengan soal Katanga itu, walaupun tindakan-tindakannya berlainan, tetapi tujuan-tujuannya sama sahaja.

**Sambungan pada muka 30**

# Afrika Tengah Bergolak

## sambungan dari muka 16

Pada 30 Jun 1960 negara Congo telah merdeka, telah memperoleh kemerdekaan Belgium. Yang menjadi Perdana Menteri ialah Tuan Patrice Lumumba, seorang bekas kerani di pejabat pos yang berusia 34 tahun dan pemimpin Gerakan Kebangsaan Congo. Yang menjadi Presiden ialah Tuan Joseph Kasa-vubu, pemimpin dari Parti ABAKO.

Tuan Lumumba berkata, bahawa dengan segala suka hati akan menerima bantuan dari luar negeri, baik komunis mau pun tidak, asalkan hal itu tidak bererti bantuan ekonomi kolonialisme

Yang terlebih dahulu mengakui kemerdekaan Congo itu ialah Belgium. Dengan kehendaknya makna bekas tanah jajahannya itu mendapat kemerdekaan. Belgium menempatkan dutanya di Leopoldville. Kemudian kemerdekaan Congo itu diakui oleh seluruh dunia dan mereka menempatkan wakil-wakil mereka di ibu negeri negara yang baharu mencapai kemerdekaan itu.

Kalau tak ada telunjuk lurus kelingking berkait, tentulah perjalanan republik yang baharu itu aman dan tenteram sahaja menuju tujuannya pada masa hadapan, menuju alam kemakmuran dan kebahagiaan. Di sinilah politik pecah belah Belgium memainkan peranan yang besar . . . . .

### Kekacauan di Congo

Sesudah negara Congo merdeka itu, terjadilah kekacauan, kerana pihak tentera memberontak. Mereka tidak senang, kerana pegawai-pegawai mereka kebanyakannya masih lagi terdiri daripada orang-orang Belgium, dengan demikian juga pangkat-pangkat yang tinggi masih dipegang oleh orang-orang Belgium.

Pemberontakan itu sedemikian hebatnya sehingga banyak orang kulit putih yang tinggal di pedalaman yang mati terbunuh, dan banyak wanita-wanita dan gadis-gadis yang diperkosa.

Beratus-ratus, ya! beribu-ribu orang Belgium dan orang-orang kulit putih yang lain yang meninggalkan kota Leopoldville, ibu negeri Congo, dan mereka itu lari ke Brazzaville dan Elizabethville, yang terletak di wilayah Katanga.

Sementara itu Jabatan Penerangan Perdana Menteri Congo menerangkan dengan rasmi, bahawa pemberontakan itu terjadi oleh kerana katanya ada percubaan yang dilakukan oleh pihak menentang untuk membunuh Tuan Patrice Lumumba.

Pada 9 Julai 1960, pemberontakan tentera ini dapat diselesaikan dengan damai oleh Perdana Menteri Lumumba dan Presiden Kasa-vubu. Dalam persetujuan itu ditentukan, bahawa pada masa depan semua pegawai-pegawai tentera akan terdiri dari orang-orang Congo asli. Orang-orang Belgium hanya tinggal sebagai penasihat teknik sahaja dan Presiden Kasa-vubu akan mengepalai semua ketenteraan.

Meskipun demikian, Belgium yang sedang menangguk di air keruh itu, menurunkan tentera-tentera payungnya ke daerah Congo, terutamanya di daerah Kasai dan Katanga, menurut katanya, untuk memperlindung keselamatan orang-orang Belgium, hari-hari tentera payung ini dijatuhkan, sehingga beribu-ribu orang jumlahnya.

### Katanga berpecah dari Congo

Tiba-tiba pada hari Isnin, 11 Julai 1960, kedengaranlah berita yang sangat menggemparkan: Katanga, wilayah yang kaya-raya itu, menarik diri dari Congo, dan mengumumkan tegak sendiri dan tidak bersangkutan paut lagi dengan pemerintahan pusat yang dipimpin oleh Presiden Lumumba. Perdana Menteri Katanga yang baharu mengumumkan kemerdekaannya itu ialah Moise Tshombe.

Setelah pengumuman kemerdekaan Katanga ini dilakukan terjadilah pertempuran-pertempuran yang hebat antara pasukan-pasukan tentera Belgium dengan tentera negara Congo, yang sangat banyak mengambil korban. Negara pun menjadi kacau-bilau keadaannya, pembunuhan, perompakan, perkosaan dan balas membalas dendam terjadi tiap-tiap hari. Moise Tshombe

Perdana Menteri Katanga, meminta bantuan Belgium, dan negara ini mengirimkan lagi 500 orang tentera payungnya yang ahli dalam perperangan. Sementara itu Katanga dan Belgium membuat perjanjian tolong-menolong dalam segala hal, dan di dalam pada itu beribu-ribu tentera darat Belgium bertolaklah dari Brazzaville menuju Matadi untuk memberi pertolongan dalam menjaga keamanan di Katanga.

Dengan campur tangan Belgium dalam urusan rumah tangga negara Congo yang baru merdeka itu, maka urusan nasional Congo itu sekarang sudah menjadi urusan internasional . . . .

Rusia yang melihat kejadian itu sebagai suatu pencerobohan pihak negara penjajah atas negara yang baru merdeka, menawarkan bantuan bersenjata kepada Congo, sekiranya Belgium tidak segera menarik diri dari keadasan<sup>1</sup> Congo itu. Sekiranya hal ini kejadian, maka dengan sendirinya tentulah terjadi perang yang hebat, yang boleh mengakibatkan pecahnya Perang Dunia Yang Ketiga. Bantahan-bantahan dari luar bertubi-tubi datangnya kepada Belgium untuk meninggalkan daerah Katanga itu, tetapi tidak dihiraukannya, oleh kerana katanya mereka itu datang hanya atas permintaan pemerintah Katanga untuk memelihara keselamatan dan keamanan negara itu. Sekiranya semua sudah aman tenteram, dengan sendirinya mereka akan meninggalkan wilayah itu. Nampakkah oleh pembaca lempar batu sembunyi tangan dalam hal ini?

Akhirnya nasihat dari negara Asia – Afrika, Patrice Lumumba memajukan serangan dan bantuan Belgium atas Katanga itu ke muka persidangan Bangsa-bangsa Bersatu. Dewan Keamanan yang bersidang membicarakan hal itu memutuskan yang tentera Belgium hendaklah ditarik segera ditarik dari Katanga dan daerah Congo.

Sementara itu Moise Tshombe, Perdana Menteri Katanga mengumumkan, bahawa pemimpin-pemimpin dari daerah Kaibo dan Kasai telah memisahkan diri dari Lumumba dan juga pemimpin-pemimpin dari daerah Ruanda-Urundi yang berada sebagai

daerah perlindungan Belgium telah memberitahukan, bahawa mereka hendak bergabung dengan Katanga. Apabila Persekutuan wilayah-wilayah ini terjadi, maka negara Congo bererti akan berpecah dua.

Pasukan-pasukan tentera Bangsa-bangsa Bersatu yang sudah berada di negara Congo itu, ternyata tidak mencukupi, dan mesti ditambah lagi. Tuan Dag Hammarskjold Setiausaha Bangsa-bangsa Bersatu, mengirimkan pembantunya Tuan Ralph Bunche ke Congo untuk menyelidiki hal itu sambil memperhatikan suasana dan membuat laporan kembali kepada Bangsa-bangsa Bersatu. Tuan Bunche melaporkan bahawa suasana adalah genting dan perlu ditambah lagi tentera-tentera Bangsa-bangsa Bersatu untuk menjaga keamanan di Congo itu. Kapal terbang-kapal terbang, helikopter-helikopter dan kapal-kapal laut Amerika dan Inggeris, mengirim melaksanakan tentera-tentera dan bahan-bahan makanan yang sangat dipentingkan, kepada negara yang sedang kacau-bilau itu.

Sementara itu Katanga masih berkeras kepala tak mau mengizinkan masuk tentera-tentera Bangsa-bangsa Bersatu dan memintanya supaya Bangsa-bangsa Bersatu mengakui kemerdekaan Katanga, terpisah dari Congo.

Tetapi biar bagaimanapun, walau ada perlawanan atau tidak tentera Bangsa-bangsa Bersatu mesti masuk Katanga untuk menggantikan tentera-tentera Belgium bagi menjaga keamanan. Tentera-tentera bangsa Sweden-lah yang akan masuk mula-mula ke daerah Katanga itu, kemudian diikuti oleh tentera Kanada dan India. Dalam pada itu, negara Ghana dan Kenya telah mengumumkan, bahawa kalau tentera Bangsa-bangsa Bersatu masih lambat lagi masuk Katanga, maka mereka telah berjanji dengan Lumumba akan membantu Congo menaklukkan Katanga itu.

Berhubung dengan kejadian-kejadian ini, maka Dewan Keamanan mengadakan lagi sidangnya pada 10 Ogos 1960. Serta mengundang wakil-wakil dari Congo dan Katanga pada mesyuarat itu. Katanga dengan perantaraan Tshombe meminta tetap supaya terpisah dari Congo, dan berdiri sendiri, dan kalau Bangsa-bangsa Bersatu masih ragu-ragu dimintanya supaya

<sup>1</sup> Perkataan tidak difahami. Kemungkinan salah eja

diadakan pemilihan umum di Katanga untuk mengetahui pandangan dan kehendak rakyat Katanga berkenaan hal ini. Belum ada sebuah negara pun yang mengakui kemerdekaan Katanga itu. Lumumba sebagai wakil pemerintah pusat Congo menolak mentah-mentah permintaan Moise Tshombe itu, dan dia membantah sehebat-hebatnya, kerana masih ada 8,000 orang tentera-tentera payung Belgium di daerah Congo itu. Akhirnya terdapat jugalah persetujuan di Dewan Keamanan bahawa tentera-tentera Belgium mesti ditarik dari Katanga dan digantikan dengan tentera Bangsa-bangsa Bersatu, tetapi tentera-tentera ini hendaklah yang bukan berasal dari negara komunis dan mereka tak boleh campur tangan dalam hal ehwal dalam negeri Katanga.

Pada 13 Ogos 1960, masuklah Dag Hammarskjold dengan 300 orang tentera Bangsa-bangsa Bersatu ke Elizabethville ibu kota Katanga dengan tidak ada sedikit perlawanan juga.

Sementara itu tentera-tentera dari lain-lain negara yang masuk dalam pasukan-pasukan tentera Bangsa-bangsa Bersatu tiba pula di Leopoldville ibu kota Congo. Mereka itu terdiri dari bangsa-bangsa Kanada dan India. Beberapa orang dari tentera Kanada dan India ini mendapat perlakuan yang tak baik daripada tentera Congo ketika sampai di lapangan terbang Leopoldville, sehingga Kanada dan India mengirimkan bantahan kepada Lumumba terhadap kejadian ini. Lumumba sendiri sangat panas hatinya, kerana dari sumbernya sendiri dapat diketahui di antara bangsa-bangsa Sweden dan Kanada yang masuk ke Congo dan Katanga itu ada juga masuk tentera Belgium yang menyamar sebagai tentera Sweden dan Kanada seperti yang telah pernah kejadian di Indonesia, di mana tentera-tentera Belanda menyamar sebagai tentera-tentera Bangsa-bangsa Bersatu masuk ke daerah Indonesia. Tentera Bangsa-bangsa Bersatu menggantikan tentera Belgium itu bukannya memaksakan Moise Tshombe dan Katanga masuk bersatu kembali dengan Congo, malahan mereka itu berlaku menjaga keamanan sahaja. Lumumba menuduh Hammarskjold sebagai berat sebelah, memihak kepada Belgium dan

Katanga, seolah-olah pemerintahnya yang sah, pemerintah Congo, tidak ada. Dia menyampaikan lagi bantahan terhadap hal ini kepada Bangsa-bangsa Bersatu. Dewan Keamanan akan bersidang kembali untuk menentukan erti kata keputusan yang telah diambil tempoh hari berkenaan soal masuknya tentera tentera Bangsa-bangsa Bersatu Katanga itu, ataukah menjaga keamanan sahaja atau mesti menaklukkan Katanga dan menyerahkan kembali kepada Congo yang dikepalai oleh pemerintahan Patrice Lumumba

Di dalam hal ini banyak lagi selok-belok politik yang maha sulit yang mesti dikupas. Ralph Bunche, wakil Hammarskjold di Elizabethville dipanggil pulang kembali ke New York dan Dag Hammarskjold sendiri mesti memberikan laporannya di muka Sidang Dewan Keamanan. Sementara itu antara Amerika dan Soviet Rusia sudah terjadi pula pertengkaran dan perbahasan tentang erti kata tugas kewajipan Bangsa-bangsa Bersatu di Katanga itu.

Lumumba hendak menyerang Katanga dengan tenteranya sendiri, dibantu oleh tentera-tentera Ghana dan Kenya serta dengan tentera-tentera sukarela negara-negara asing. Rusia telah menyatakan dengan terang-terangan di New York, bahawa dia akan menyokong tindakan pemerintah kesatuan Congo itu.

Suasana yang pada mulanya disangka telah reda sedikit, sekarang telah semakin hangat kembali. Mungkinkah kejadian-kejadian di Congo itu mengakibatkan kejadian-kejadian yang serupa sebagaimana yang telah berlangsung di Korea? Ya, kalau ditinjau dari sudut-sudut sepak-terajang ahli-ahli politik NATO dan Beruang Merah, memang sangat besarlah Perang Dingin sebagai terjadi di Korea Selatan dan Congo – Lumumba mengambil bahagian Korea Utara.

Kita mendoakan, moga-moga kejadian yang akan berlangsung lagi itu pada masa hadapan, tidak akan menceburkan kita ke dalam kancah perperangan dunia yang ketiga yang akan membawa akibat keruntuhan dan kehancuran dunia seluruhnya . . . .